

**Subang Jaya:** Eksport bagi barang dan perkhidmatan Malaysia mencatatkan pertumbuhan memberangsangkan apabila mencecah RM890 bilion dari Januari hingga September 2019 susulan permintaan yang tinggi dari luar negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Chong Chieng Jen berkata, jumlah itu meningkat berbanding RM850 bilion yang dicatatkan pada tahun lalu.

"Jumlah berkenaan jelas menunjukkan bahawa barang dan perkhidmatan ditawarkan Malaysia adalah berkualiti tinggi dan diterima baik oleh masyarakat luar."

"Justeru, rakyat seharusnya membuat persepsi yang menganggap barang tempatan ini berada pada gred kedua atau bawahannya berbanding produk import.

"Ini kerana, kita setanding dengan mereka. Pengusaha atau usahawan tempatan kita sudah maju dan berinovasi dalam menghasilkan produk mereka," katanya selepas merasmikan Kempen Beli Barang Malaysia peringkat MYDIN USJ di sini, semalam.

Hadir sama, Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin), Datuk Wira Dr Ameer Ali



CHONG (tengah) dan Dr Ameer (tiga dari kiri) bersama Pemenang Pitch to Win pada Majlis Perasmian Kempen Beli Barang Malaysia.

## Eksport Malaysia cecah RM890b

Mydin dan Pengarah Eksekutifnya, Datuk Murad Ali Mydin.

Mydin selaku pemborong dan peruncit tempatan tampil dengan inisiatif terbaharunya menerusi kempen bertemakan Ini Malaysia Punya sebagai menyokong usaha kerajaan bagi memperkasa produk buatan tempatan.

Menurut Ameer, Mydin sentiasa mengalau-alukan penyertaan usahawan

perusahaan kecil dan sederhana (PKS) bersama syarikat itu kerana ia adalah landasan untuk mereka melangkah lebih jauh dalam perniagaan. Mydin terkenal dengan menawarkan pelbagai produk halal dengan harga berpatutan.

"Setakat ini, lebih 1,500 produk unit simpanan stok (SKU) halal daripada

usahawan Melayu ditawarkan di Mydin dan mendapat permintaan tinggi.

"Ia me-

nyebabkan produk berkenaan sentiasa kehabisan dan permintaan pelanggan tidak dapat dipenuhi Mydin kerana tempat adalah terhad.

"Selain itu, pengusaha atau usahawan ini perlu rajin dan bekerja keras untuk bersaing antara mereka dan peniaga mahupun jenama lain yang sudah stabil," katanya.

Terdahulu, Chong dan Ameer turut menyampaikan hadiah berupa paket promosi dan pemasaran kepada tiga pemenang pertandingan *Pitch To Win* yang dianjurkan sempena kempen itu.

Lebih 1,500 produk unit SKU halal usahawan Melayu ditawarkan di Mydin